

Ruj. Kami : MQAD.100-1/3/1 Jld. 2 (2)

Tarikh : 13 Februari 2026

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA. BIL. 4/2026

PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET: PELANJUTAN KALI KEDUA TEMPOH PERMOHONAN CONVERSION PROGRAM AKADEMIK KE PROGRAM TVET

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan/puan sedia maklum, bagi menyokong aspirasi pendidikan fleksibel dan TVET negara, PPT diberi peluang untuk menukar (convert) program akademik yang telah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara (Provisional Accreditation, PA) atau Perakuan Akreditasi Penuh (Full Accreditation, FA) kepada program TVET dengan perubahan kurikulum tidak melebihi 30%.

3. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) sebelum ini telah mengeluarkan beberapa pekeliling berhubung Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Permohonan *Conversion* Program Akademik Ke Program TVET seperti berikut:

- 3.1 Pekeliling MQA Bil. 2/2020 - Garis panduan awal *conversion* bertarikh 28 Februari 2020;
- 3.2 Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2023 - Pelanjutan tempoh transisi sehingga 31 Disember 2025; dan
- 3.3 Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2024 - Pelanjutan tempoh bagi program Badan Profesional sehingga 31 Disember 2027.

4. Walau bagaimanapun, bagi terus menggalakkan PPT memperluas akses pembelajaran sepanjang hayat serta mengoptimumkan potensi pelajar yang cenderung kepada bidang kemahiran/teknikal, MQA bersetuju untuk melanjutkan lagi tempoh permohonan *conversion* program akademik ke program TVET.

5. Bagi tujuan ini, PPT perlu mematuhi ketetapan mengikut kategori permohonan seperti di bawah:

- a) *Conversion* bagi program peringkat Perakuan Akreditasi Penuh
 - i. Program telah melaksanakan *Occupational/ Industry Standard and Practices* (OISP) seperti *Work Based Learning* (WBL) atau 2U2i dalam struktur kurikulum yang telah dinilai semasa akreditasi penuh terdahulu; atau
 - ii. Program telah diluluskan pelaksanaan OISP di dalam struktur kurikulum program dengan status pelajar yang mengikuti OISP tersebut telah mencapai tahap matang (pelajar telah berada di industri) semasa permohonan *conversion* akreditasi penuh dibuat.
- b) *Conversion* bagi program yang telah mendapat Perakuan Akreditasi Sementara
 - i. Program telah diluluskan pelaksanaan penggunaan OISP (contoh: GIVC, WBL atau 2u2i) di dalam struktur kurikulum program; atau
 - ii. Bagi Program yang belum diluluskan pelaksanaan OISP tetapi berhasrat untuk melaksanakan *conversion*, permohonan untuk menambah komponen OISP tersebut (contoh: WBL atau 2u2i) perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **9 April 2026 (iaitu tarikh terakhir Cycle 4/2026 bagi Takwim A)**.

6. Dimaklumkan juga bahawa PPT diberikan tempoh sehingga **29 Oktober 2026 (iaitu tarikh terakhir Cycle 11/2026 bagi Takwim A)** untuk mengemukakan permohonan *conversion* ini. Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut akan diproses sebagai permohonan baharu Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh mengikut proses program TVET sedia ada. Mohon rujuk Pekeliling MQA Bil.1/2020 bertarikh 27 Februari 2020 berkaitan proses ini.

7. Dokumen sokongan seperti Carta Alir Proses Permohonan *Conversion* Program Akademik ke Program TVET, Caj Pemprosesan Penilaian dan Borang Permohonan *Conversion* Program Akademik ke Program TVET dan senarai OISP boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal rasmi MQA di www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
Aras 7, Menara Arina UNITI
No.97, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 W.P. KUALA LUMPUR
13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
Wisma CNS
No 2, 6 Jalan SS19/1G
47500 SUBANG JAYA, SELANGOR

15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

16. Presiden
Society for Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, Jalan Menara Gading
UCSI Heights (Taman Connaught)
56000 CHERAS, W.P. KUALA LUMPUR